

Sinar Harian - Adam50 Usaha Galakkan Rakyat Menabung Pada Usia Muda

Khamis, Jan 04 2018

Adam50 usaha galakkan rakyat menabung pada usia muda

SHAH ALAM - Pelaksanaan Sijil Insentif Khas Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (Adam50) oleh kerajaan kelolaan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dapat menggalakkan rakyat menabung di peringkat awal.

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Prof Dr Abdul Rahim Abdul Rahman berkata, insentif berbentuk saham itu dilihat mampu memberi manfaat jangka masa panjang kepada rakyat.

"Sepatutnya kaedah seperti ini sudah lama dilaksanakan. Sebab kalau nak biarkan ibu bapa sendiri menabung untuk anak-anak mungkin agak sukar.

"Jadi, kerajaan melalui PNB ambil inisiatif ini untuk memberikan insentif Adam50 ini sebagai galakan awal menabung untuk setiap bayi yang baharu dilahirkan," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau berkata, pelaksanaan Adam50 turut memberi peluang dan kesan yang positif

terhadap pembangunan PNB sendiri.

"Pelaburan ini sepatutnya bermula dengan inisiatif rakyat sendiri, namun ia tidak berlaku. Jadi PNB ambil inisiatif ini dan kerajaan menyokong dengan menyediakan bajet ke arah itu.

Beliau turut menekankan, insentif itu tidak boleh dibandingkan dengan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kerana matlamatnya berbeza.

"BR1M adalah sumbangan kerajaan terhadap rakyat yang layak dalam menangani isu kos sara hidup manakala Adam50 sebagai usaha mendidik rakyat untuk menabung. Itu yang perlu difahami oleh rakyat," katanya.

Sementara itu, Ahli jawatankuasa Kluster Ekonomi dan Pengurusan Majlis Profesor Negara (MPN), Datuk Dr Mustafa Mohd Hanefah berkata, pemberian insentif Adam50 itu juga dilihat sebagai satu usaha meningkatkan jumlah penduduk negara terutama generasi muda selaras ke arah mat-

lamat Transformasi Nasional 2050 (TN50).

"Bagi menuju negara maju, kita memerlukan generasi muda lebih ramai untuk menggerakkan ekonomi negara.

"Insentif sama turut dilakukan di beberapa maju seperti Singapura dan Jepun yang mana turut melihat aspek yang sama.

Bagaimana pun, beliau mencadangkan kerajaan turut mencari alternatif lain bagi membantu rakyat khususnya ibu bapa untuk menyediakan keperluan bayi.

"Insentif berbentuk saham ini sememangnya memberi manfaat untuk masa hadapan bayi. Namun biasanya perkara yang sering difikirkan oleh ibu bapa adalah kos rawatan dan keperluan semasa bayi.

"Mungkin kerajaan boleh fikir kaedah lain seperti pengecualian GST (cukai barang dan perkhidmatan) ke atas kos rawatan dan barangan keperluan bayi. Mungkin ia akan mengurangkan beban ibu bapa terutama keluarga B40," katanya.